

22 NOV 1999

Abdullah-Pentadbiran

KERAJAAN TIDAK BIMBANG HADAPI RAKYAT PADA P/RAYA, KATA ABDULLAH

JITRA, 22 Nov (Bernama) -- Kerajaan tidak bimbang untuk menghadapi rakyat pada pilihan raya umum ke-10 ini kerana ia mempunyai rekod pentadbiran dan pembangunan yang cemerlang, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kita tidak bimbang menghadapi rakyat buat kali ke-10 dan kita serahkan kepada rakyat untuk menentukan kerajaan baru nanti," katanya pada perjumpaan dengan para pegawai kerajaan dalam daerah Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini.

Beliau berkata tohmahan yang dilemparkan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah tidak benar.

Dr Mahathir mengamalkan proses membuat keputusan secara bersama dan bertanggungjawab dan bukannya secara ditaktor seperti yang difitnahkan oleh pembangkang, katanya.

Abdullah berkata Perdana Menteri biasanya mengamalkan konsep konsensus dalam membuat sesuatu keputusan.

Beliau berkata Dr Mahathir adalah seorang yang begitu sabar dan sanggup mendengar segala pandangan yang dikemukakan kepadanya.

Perdana Menteri tidak pernah berkata: "saya mahukan ini atau saya mahukan itu" sebaliknya memberi peluang kepada orang lain juga untuk memberikan pandangan sebelum sesuatu keputusan dibuat, jelas Abdullah.

Beliau berkata: "Saya kenal Dr Mahathir sudah begitu lama sekali. Saya sudah faham benar cara beliau buat keputusan dan gerak-gerinya.

"Kalau Dr Mahathir pegang dagu dan mula tengok ke kiri dan kanan, maknanya beliau dah jemu dengan pandangan yang dikemukakan kerana tidak bernas.

"Tetapi bila beliau duduk dan tegakkan badan serta ambil buku kecilnya, bermakna beliau berminat untuk mendengar pandangan bernas yang diberikan."

Kerajaan wujud di atas kehendak dan amanah rakyat, oleh itu pegawai kerajaan merupakan pemangkin kepada proses mempercepatkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang ditentukan, katanya.

-- BERNAMA

JM/HT MFJ RON